

TERMA-TERMA PENGGUNAAN

Terma-terma Penggunaan berikut memerintah penggunaan anda terhadap laman web ini untuk Lyconet Malaysia Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai "Lyconet"). Di samping itu, Lyconet Marketing Agreement dan semua dokumen-dokumen undang-undang juga digunakan untuk Lyconet Marketers. Pengguna-pengguna laman web ini bersetuju dengan Terma-terma Penggunaan ini dan bersetuju bahawa Lyconet tidak akan dipertanggungjawabkan untuk penggunaan laman web ini, sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang.

Lyconet boleh mengubah suai dan memindahkan Terma-terma Penggunaan ini dari semasa ke semasa dengan mengemaskininya. Sekiranya anda tidak menerima Terma-terma Penggunaan ini sepenuhnya, penggunaan laman web ini akan ditamatkan dengan segera. Kami akan memberitahu pengguna-pengguna berkenaan sebarang perubahan atau pengubahsuaian dan bertanya persetujuan daripada mereka. Sehingga kami menerima persetujuan daripada pengguna, terma-terma yang sedia ada akan digunakan untuk pengguna masing-masing. (atau terma-terma yang dikemas kini boleh menjadi berkesan sejak tarikh pengumuman dan akan menggantikan terma-terma yang lama dengan segera dan pelanggan-pelanggan bertanggungjawab untuk mematuhi bimbingan-bimbingan dan peraturan-peraturan ini yang dibuat secara awam: "Dengan penggunaan seterusnya laman web selepas pengubahsuaian tersebut untuk Terma-terma Penggunaan, anda bersetuju untuk terikat oleh pengubahsuaian tersebut.")

Lyconet akan membuat segala usaha untuk mementangkan informasi yang betul dan terkini dalam laman web ini. Walau bagaimanapun, tiada liabiliti yang diandaikan untuk butiran-butiran dan informasi dalam laman web ini. Pengguna-pengguna laman web ini bersetuju bahawa akses dan sebarang penggunaan laman web ini dan kandungan-kandungannya adalah atas risiko mereka sendiri, jika tidak selainnya diperuntukkan oleh undang-undang. Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Lyconet tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerosakan akibat akses, penggunaan, atau ketidakupayaan untuk menggunakan laman web ini, atau untuk sebarang kesilapan atau ketidaktindakan di sini.

Semua imej, teks, dan fail-audio, serta animasi-animasi, video-video, dan sebagainya, dan semua komponen-komponen yang lain laman web ini adalah terlindung dengan hak cipta dan tidak boleh, semuanya atau sebahagiannya, diedarkan, dimuat turun, diubah, digunakan semula, dihantarkan semula, atau sebaliknya digunakan tanpa kebenaran bertulis yang nyata terlebih dahulu daripada Lyconet. Fail-fail daripada kawasan muat turun dalaman hanya boleh digunakan untuk penggunaan peribadi.

Lyconet berhak untuk menyisihkan peribadi-peribadi untuk menerima informasi mengikut budi bicaranya tanpa notis terlebih dahulu, untuk alasan-alasan termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggaran Terma-terma Penggunaan di sini oleh pengguna. Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, Lyconet tidak akan dipertanggungjawabkan untuk aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang atau informasi rujukan elektrik yang dipimpin dari laman web ini ke laman-laman web yang lain di Web Seluruh Dunia, dan untuk kandungan-kandungan yang diberikan oleh peribadi-peribadi dalam pertukaran perhubungan dalam forum-forum kami, melainkan sekiranya ia mempunyai pengetahuan sebenarnya yang sama, dan hanya jika Lyconet tidak mengambil tindakan dengan segera untuk menghapuskan informasi tersebut

atau menghalang aksesnya. Kandungan diskriminasi, menghina, tidak bermoral, atau yang menyalahi undang-undang boleh dihapuskan oleh Lyconet pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Keputusan sama ada kandungan tersebut wujud bergantung kepada Lyconet semata-matanya.

Kami dengan senang hati akan menjawab sebarang pertanyaan lanjut mengenai Terma-terma Penggunaan dan Terma-terma dan Syarat-syarat Umum di

Lyconet Malaysia Sdn. Bhd.
Menara Maxis, Tingkat 13,
Pusat Bandaraya Kuala Lumpur,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
E-mel: international@lyconet.com

PENAFIAN

1. Lyconet Malaysia Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai "Lyconet") beranggap, sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, tiada tanggungjawab untuk kesemasaan, ketepatan, kesempurnaan, kesahan dan/atau kualiti informasi yang akan diberikan. Ini juga digunakan untuk semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam laman web ini, termasuk diskripsi, harga, dan informasi yang diberikan untuk produk mengenai rakan-rakan kontrak Lyconet. Kesilapan-kesilapan teknikal dan/atau kerja penyelenggaraan, serta penyebab-penyebab lain (seperti satu pelancaran semula laman web) akan menyebabkan gangguan akses yang lebih pendek dan lebih lama. Lyconet tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian akibat kehilangan perniagaan atau kehilangan profit-profit) yang terhasil dalam kontrak, undang-undang tort atau sebaliknya daripada kebolegunaan dan kebolehaksesan laman web ini. Tuntutan-tuntutan liabiliti terhadap Lyconet mengenai kerosakan sesuatu bahan atau sifat yang tidak ketara (seperti kehilangan profit-profit, perbelanjaan frustrasi, kerugian akibat kehilangan data, tuntutan-tuntutan pengayaan tidak adil, yuean guaman, atau yuran pelaksanaan kontrak) yang disebabkan oleh penggunaan informasi yang diberikan atau penggunaan informasi yang tidak betul dan tidak lengkap adalah dikecualikan biasanya kecuali melainkan sekiranya Lyconet telah terbukti dengan niat atau kecuaiian kasar. Semua tawaran adalah subjek kepada perubahan dan tidak terikat, sehingga diterima secara nyata. Lyconet berhak untuk mengubah suai, memindah, atau memadamkan sebahagian daripada laman web tersebut atau seluruh tawaran tanpa notifikasi tertentu atau membatalkan penerbitan sebahagian atau sepenuhnya.

2. Di samping itu, Lyconet tidak bertanggungjawab untuk hiperpautan luaran dan kandungannya, yang dioperasi oleh organisasi-organisasi yang lain dan tidak dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian atau kerosakan akibatnya dan/atau bersampingan dengan penggunaan hiperpautan. Lyconet menganggap, sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, tiada tanggungjawab untuk kesemasaan, ketepatan, kesempurnaan, kesahan dan/atau kualiti hiperpautan tersebut. Semua liability perlu ditanggung oleh pembekal laman web yang dipautkan. Lyconet tidak mempunyai pengaruh terhadap reka bentuk, kandungan, atau pengarang hiperpautan semasa dan masa depan. Untuk alasan ini, Lyconet dengan ini secara nyata memisahkan diri daripada kandungan semua hiperpautan dan daripada penyertaan luaran dalam buku-buku tamu, forum-forum perbincangan, dan senarai mel yang ditubuhkan oleh Lyconet. Satu peperiksaan yang kekal terhadap laman web yang dipautkan adalah tidak semenangnya mungkin tanpa petunjuk konkrit daripada pencerobohan atau pelanggaran undang-undang yang berkaitan, tetapi pencerobohan tersebut atau pelanggaran akan dihapuskan dengan segera atas notifikasi yang bersamaan.

3. Laman web ini hanya boleh digunakan untuk tujuan-tujuan informasi dan untuk tujuan-tujuan peribadi dan komersial. Kandungan seluruh laman web ini adalah terlindung oleh hak cipta. Ini akan dipakai tanpa mengira sama ada kandungan tersebut tersedia dengan bayaran atau percuma. Sebarang penghasilan semula, penggunaan, peminjaman, penerbitan, atau sebarang jenia penggunaan yang lain adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis yang nyata daripada Lyconet. Pelanggaran untuk peruntukan ini boleh menyebabkan kesan-kesan undang-undang, khususnya atas dasar tanda niaga, hak cipta, dan peraturan-peraturan pertandingan. Lyconet dengan nyata berhak untuk semua hak cipta, tanda niaga, dan hak-hak

penggunaan (hak untuk penggunaan kerja dan kebenaran untuk penggunaan kerja) untuk laman web ini.

4. Lyconet melampirkan kepentingan yang besar terhadap penggunaan yang berhati-hati dan kesulitan data. Sekiranya laman web mengandungi kemungkinan untuk memasuki data peribadi dan perniagaan (alamat-alamat e-mel, nama-nama, alamat-alamat), data ini didedahkan oleh pengguna-pengguna secara sukarela, dan pendedahan ini boleh ditamatkan oleh pengguna-pengguna pada bila-bila masa dan Lyconet perlu memadamkan semua data peribadi yang relevan dengan segera. Untuk informasi yang lebih lanjut tentang dasar dan amalan perlindungan data Lyconet dan penggunaan data peribadi oleh Lyconet, sila rujuk kepada Penafian Perlindungan Data Lyconet.

5. Penafian ini akan dianggap sebagai sebahagian daripada laman web. Sekiranya sebahagian atau kata-kata individu teks ini tidak, tidak lagi, atau tidak sepenuhnya sesuai dengan keadaan undang-undang yang terpakai, ini tidak akan memberi kesan kepada kandungan dan kesahan bahagian-bahagian lain dokumen ini.

6. Di samping itu, Lyconet tidak akan dipertanggungjawabkan, sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, untuk kandungan yang dijanakan oleh pengguna yang diedarkan dalam laman-laman webnya. Dengan cara yang sama, Lyconet tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap kerugian akibat kandungan-kandungan tersebut. Sesiapa yang menulis komen-komen atau pandangan-pandangan dalam apa jua bentuk dalam laman web akan dipertanggungjawabkan untuk sunbangannya sebagai seorang pengarang. Sekiranya berlaku pencerobohan hak-hak undang-undang pihak ketiga, pemula-pemula pencerobohan tersebut akan menanggung kerugian sepenuhnya dan Lyconet tidak akan berbahaya dan perlu mengimbangi Lyconet untuk sebarang dan semua kerosakan dan kerugian secara langsung atau tidak langsung. Lyconet berhak untuk memadamkan sebarang kandungan yang kami sedari adalah haram, menghina terhadap kesopanan biasa, atau sebaliknya mejejaskan reputasi Lyconet; dalam kes-kes ini, tuntutan-tuntutan tidak boleh dibuat terhadap Lyconet. Sama ada kandungan merupakan yang haram subjek kepada budi bicara Lyconet sahaja dan budi bicara mutlak Lyconet pada bila-bila masa.

Dokumen ini pada asalnya disediakan dalam bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.